



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Laman Web : www.mof.gov.my

SULIT

Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600-1/10/5 Jld.3(2)
Tarikh : 13 Januari 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN DI LAMPIRAN A

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato'Sri/Datuk/Tuan/Puan,

PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN KELULUSAN PEMBAYARAN MELALUI INVOIS TANPA PESANAN KERAJAAN (ITPK) BAGI KONTRAK KERAJAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Tuan/Puan sedia maklum, Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah melaksanakan penurunan kuasa kepada Pegawai Pengawal bagi meluluskan permohonan pembayaran melalui Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (ITPK) ke atas kontrak Kerajaan menerusi surat bertarikh 25 November 2022. Selain itu, kelulusan khusus juga diberikan meliputi pemanjangan pelaksanaan kepada perolehan kerja Kerajaan bagi pembayaran inden kerja secara manual serta peningkatan had nilai kelulusan pembayaran ITPK kepada beberapa buah Kementerian terpilih. Melalui pelaksanaan sedia ada, pihak MoF mengambil perhatian terhadap isu-isu yang dibangkitkan menerusi maklum balas soal selidik yang telah dijalankan mulai 5 hingga 27 Jun 2025 serta pelaporan yang diterima daripada Kementerian yang melaksanakan proses audit dalaman berkaitan kelulusan pembayaran ITPK di Kementerian masing-masing.

3. Sehubungan dengan itu, berkuatkuasa mulai tarikh surat ini, MoF bersetuju untuk menambah baik pelaksanaan pembayaran kontrak secara ITPK yang diturunkan kuasa kepada Pegawai Pengawal semasa meluluskan permohonan pembayaran ITPK seperti berikut:

- a. Pegawai Pengawal boleh meluluskan permohonan pembayaran melalui ITPK sehingga had nilai RM5 juta bagi setiap tuntutan untuk satu kontrak perolehan bagi situasi berikut sahaja:
 - i. Situasi apabila Pesanan Kerajaan tidak boleh dikeluarkan disebabkan dokumen kontrak belum ditandatangani selepas tempoh 4 bulan dan had 3 kali pembayaran menggunakan Surat Setuju Terima (SST) telah dilaksanakan.

Pembayaran melalui ITPK boleh diluluskan sehingga had maksimum 75% daripada nilai keseluruhan kontrak, namun terhad kepada had nilai kelulusan Pegawai Pengawal berkaitan ITPK. Kelulusan pelanjutan menandatangani dokumen kontrak hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada Pegawai Pengawal sebelum bayaran secara ITPK diluluskan;

- ii. Situasi apabila kelewatan pembekal mengemukakan dokumen berkaitan yang disyaratkan pada SST dan menyebabkan pengeluaran Pesanan Kerajaan tidak dapat dilaksanakan menerusi Sistem ePerolehan. Pembayaran ITPK adalah sehingga had maksimum 75% daripada nilai keseluruhan kontrak, namun terhad kepada had nilai kelulusan Pegawai Pengawal berkaitan ITPK; dan
 - iii. Situasi apabila berlaku kecuai pegawai untuk mengeluarkan Pesanan Kerajaan sebelum atau pada masa pembekalan/perkhidmatan diterima bagi kontrak yang telah mempunyai peruntukan mencukupi. Pembayaran melalui ITPK boleh diluluskan dengan syarat kontrak hendaklah masih berkuat kuasa semasa proses pembayaran.
- b. Bagi Pesanan Kerajaan yang tidak dapat dikeluarkan disebabkan peruntukan semasa yang tidak mencukupi, MoF bersetuju memberikan pengecualian kepada tatacara pengeluaran Pesanan Kerajaan iaitu membenarkan pengeluaran Pesanan Kerajaan selepas pembekalan/perkhidmatan diterima, dalam tempoh 14 hari selepas waran peruntukan diterima di peringkat Pusat Tanggung Jawab (PTJ) yang menguruskan perolehan tersebut. Dalam situasi ini, sekiranya berlaku insiden kecuai pegawai mengeluarkan Pesanan Kerajaan selepas tempoh kebenaran 14 hari yang dibenarkan, Pegawai Pengawal boleh meluluskan permohonan pembayaran melalui ITPK sehingga had maksimum RM1 juta sahaja untuk setiap tuntutan invois berdasarkan satu kontrak perolehan;
- c. Pegawai Pengawal boleh menurunkan kuasa sehingga ke peringkat Ketua Jabatan sahaja bagi meluluskan permohonan pembayaran secara ITPK sehingga had maksimum RM50 ribu bagi setiap tuntutan invois dengan jumlah kumulatif sehingga RM1 juta bagi satu-satu kontrak. Kelulusan pertimbangan ITPK di bawah penurunan kuasa ini adalah meliputi semua situasi yang ditetapkan di bawah penurunan kuasa yang diberi kepada Pegawai Pengawal seperti di perenggan 3(a) dan (b) di atas.

4. Selain itu, tatacara pengeluaran Pesanan Kerajaan turut ditambah baik dengan membenarkan pengeluaran Pesanan Kerajaan bagi perolehan perkhidmatan yang dilaksanakan secara kontrak bermasa berdasarkan situasi seperti berikut:

- a. Perkhidmatan bermasa yang ditetapkan mulai 1 haribulan sehingga 28 atau 30 atau 31 haribulan pada setiap bulan, boleh dikeluarkan Pesanan Kerajaan pada mana-mana tarikh dalam tempoh 1 hingga 28 atau 30 atau 31 haribulan bagi bulan tersebut; ATAU
- b. Perkhidmatan bermasa yang ditetapkan bermula daripada mana-mana tarikh dalam suatu bulan, Pesanan Kerajaan boleh dikeluarkan pada mana-mana tarikh dalam tempoh bermula hingga tarikh akhir perkhidmatan dalam kitaran bulan tersebut. Penetapan ini turut terpakai bagi kitaran tempoh secara mingguan, sekiranya berkaitan.

5. Berdasarkan ketetapan di perenggan 3 dan 4, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab ke atas kelulusan pembayaran kontrak secara ITPK yang diberi serta penurunan kuasa kepada Ketua Jabatan. Justeru, Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan yang diturunkan kuasa hendaklah memastikan perkara berikut dilaksanakan sewajarnya iaitu:

- a. Menyediakan mekanisme kawalan dalaman sebagai tatacara rujukan ke atas proses kelulusan bayaran secara ITPK di peringkat Agensi;
- b. Menjadikan pelaporan berkaitan kelulusan pembayaran secara ITPK sebagai salah satu agenda tetap dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) selaras pelaporan prestasi pembayaran (AP103);
- c. Mensyaratkan Surat Tunjuk Sebab daripada pegawai/agensi perlu disertakan bersama permohonan kelulusan pembayaran secara ITPK kepada Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bagi situasi kecuaihan pengeluaran Pesanan Kerajaan;
- d. Pembayaran bagi kesalahan kecuaihan mengeluarkan Pesanan Kerajaan yang berlaku lebih daripada sekali bagi kontrak yang sama dan melibatkan pegawai yang sama, pembayaran tersebut sewajarnya diluluskan berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 59;
- e. Merekodkan kelulusan yang diberikan melalui Sistem eGPA di bawah Modul Merekod Permohonan –> Pengecualian Khas –> Pengecualian Kepada Pekeliling Perolehan –> Tanpa Pesanan Pembelian Kerajaan;

SULIT

Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600-1/10/5 Jld. 3 (2)

Tarikh : 13 Januari 2026


- f. Memastikan fi perkhidmatan ePerolehan bagi kontrak yang menggunakan Sistem ePerolehan dikenakan ke atas setiap transaksi pembayaran ITPK melalui Sistem iGFMAS berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa; dan
 - g. Permohonan kelulusan pembayaran secara ITPK hanya dibenarkan untuk kontrak yang masih berkuat kuasa semasa proses pembayaran.
6. Penetapan pelaksanaan seperti dinyatakan di perenggan 3 hingga 5 di atas secara keseluruhannya turut dipanjangkan kepada permohonan kelulusan pembayaran kontrak perolehan kerja Kerajaan melalui inden kerja yang dikeluarkan secara manual. Sebarang permohonan pembayaran melalui inden kerja secara manual yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk pertimbangan dan kelulusan.
7. Melalui kelulusan pelaksanaan ini, Kementerian adalah tertakluk kepada audit pematuhan ke atas pelaksanaan berdasarkan kelulusan pembayaran secara ITPK yang dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam Agensi atau MoF. Menerusi surat ini juga, kelulusan berkaitan pembayaran kontrak melalui ITPK sebelum ini melalui surat bertarikh 25 November 2022, 3 Januari 2024 dan 10 September 2024 adalah dibatalkan serta-merta. Bersama-sama ini juga disertakan Soalan Lazim seperti di **Lampiran B** bagi pelaksanaan berkaitan untuk rujukan jua.
8. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato'Sri/Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon untuk memastikan pelaksanaan penurunan kuasa yang diberikan melalui surat ini mematuhi prinsip perolehan Kerajaan berdasarkan amalan tata kelola baik bagi memberi nilai faedah terbaik serta memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara. Mohon jua kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato'Sri/Datuk/Tuan/Puan supaya pemakluman ini disampaikan kepada semua agensi di bawah Kementerian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJAH NORISON BINTI RAMLI)

Bahagian Perolehan Kerajaan

b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Kementerian Kewangan Malaysia

SULIT

Ruj. Kami : MOF.BPK(S)600-1/10/5 Jld. 3 (2)
Tarikh : 13 Januari 2026

s.k.:

KSP

TKSP(M)

PBN

TSK(D)

TSK(O)

TSK(K)

TSK(S)

KSK (P&A) – Perhatian kepada perkara di perenggan 7.

Akauntan Negara

Jabatan Akauntan Negara

Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan

Kompleks Kementerian Kewangan

No.1, Persiaran Perdana

Presint 2

62594 PUTRAJAYA

(u.p.:Pn. Ruzinah Binti Rukun)

SENARAI EDARAN

- 1. YBhg. Dato' Seri Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi**
Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara
Aras 9, Blok F2, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 W.P. PUTRAJAYA
- 2. YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
Tingkat 5, Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 W.P. KUALA LUMPUR
- 3. YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. PUTRAJAYA
- 4. YBhg. Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 W.P. PUTRAJAYA
- 5. YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Aras 15, Menara 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 W.P. PUTRAJAYA

- 6. YBhg. Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P. PUTRAJAYA
- 7. YBhg. Dato' Yusran Shah bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perlindungan dan Komoditi
Aras 10, No. 15, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 W.P. PUTRAJAYA
- 8. YBhg. Datuk Azman bin Mohd Yusof**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
Aras 6-12, Menara PERKESO Putrajaya
No. 6, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P. PUTRAJAYA
- 9. YBhg. Dato' Sri Amran bin Mohamed Zin**
Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Aras 3, Wisma Putra
No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62602 W.P. PUTRAJAYA
- 10. YBhg. Datuk Dr. Hajah Maziah binti Che Yusoff**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 36, No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P. PUTRAJAYA
- 11. YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron**
Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
Aras 8, Menara PRISMA
No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 W.P. PUTRAJAYA

- 12. YBhg. Datuk Wira Dr. M Noor Azman bin Taib**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 17, No. 51
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P. PUTRAJAYA
- 13. YBhg. Datuk Dr. Awang Alik bin Jeman**
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok D1, Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 W.P. PUTRAJAYA
- 14. YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood**
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 8, Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 W.P. PUTRAJAYA
- 15. YBhg. Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 W.P. PUTRAJAYA
- 16. YBhg. Dato' Sri Khairul Dzaimie bin Daud**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Aras 5, Blok E4/5, Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 W.P. PUTRAJAYA
- 17. YBhg. Dato' Seri Jana Santhiran a/l Muniayan**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
Aras 9, No. 26
Jalan Tun Hussein, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P. PUTRAJAYA

- 18. YBhg. Dato' Seri Mohd Sayuthi bin Bakar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
Aras 11 (Menara)
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 W.P. PUTRAJAYA
- 19. YBhg. Datuk Abdul Halim bin Hamzah**
Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi
Aras 35, Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P. PUTRAJAYA
- 20. YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran a/l Kangayatkarasu**
Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 W.P. PUTRAJAYA
- 21. YBhg. Dato' Sri Haji Mad Zaidi bin Mohd Karli**
Ketua Setiausaha
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
Aras 15, Menara PETRA
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 W.P. PUTRAJAYA
- 22. YBhg. Dato' Hairil Yahri bin Yaacob**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
Tingkat 28, Menara MITI
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 W.P. KUALA LUMPUR
- 23. YBhg. Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
Blok F11, Kompleks F
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
62000 W.P. PUTRAJAYA

- 24. YBhg. Datuk Muhd Khair Razman bin Mohamed Annuar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 W.P. PUTRAJAYA
- 25. YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Tingkat 5, Blok A
Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 W.P. KUALA LUMPUR
- 26. YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot**
Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 17, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 W.P. PUTRAJAYA
- 27. YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid**
Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 10, Blok F9, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 W.P. PUTRAJAYA
- 28. YBhg. Tuan Fabian Bigar**
Ketua Setiausaha
Kementerian Digital
Aras 7, Menara PJH,
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 W.P. PUTRAJAYA

29. YBr. Encik Mazlan bin Abd Mutalib

Setiausaha Bahagian
Kementerian Kewangan
Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan
Aras 3, Blok Selatan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 W.P. PUTRAJAYA

30. YBr. Encik Tarmizi bin Tamby Chik

Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Aras 7, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 W.P. PUTRAJAYA

**SOALAN LAZIM PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN KELULUSAN PEMBAYARAN
MELALUI INVOIS TANPA PESANAN KERAJAAN (ITPK) BAGI KONTRAK
KERAJAAN**

Bil.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah status surat arahan ITPK yang dikeluarkan sebelum tahun 2026?	Kelulusan melalui surat bertarikh 25 November 2022, 3 Januari 2024, dan 30 September 2024 adalah dibatalkan sepenuhnya.
2.	Berapakah had nilai kelulusan baharu bagi Pegawai Pengawal?	Pegawai Pengawal boleh meluluskan ITPK sehingga had maksimum RM5 juta bagi setiap tuntutan untuk satu kontrak perolehan mengikut situasi-situasi tertentu seperti di Perenggan 3 surat ini.
3.	Bolehkah Pegawai Pengawal menurunkan kuasa kelulusan ini?	BOLEH. Pegawai Pengawal boleh menurunkan kuasa kepada Ketua Jabatan sahaja. Had nilai kelulusan oleh Ketua Jabatan yang diturunkan kuasa adalah sehingga RM50,000 setiap tuntutan, dengan jumlah kumulatif sehingga had maksimum RM1 juta bagi satu kontrak.
4.	Apakah situasi yang membolehkan tuntutan bayaran secara ITPK diluluskan mengikut had nilai kelulusan Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan?	Kelulusan ini hanya terpakai bagi situasi-situasi berikut: a. Kontrak belum ditandatangani selepas 4 bulan, dengan kelulusan pelanjutan tempoh menandatangani kontrak telah diperolehi; b. Kelewatan penyempurnaan dokumen yang disyaratkan pada SST oleh pembekal; atau c. Kecuaian pegawai walaupun peruntukan mencukupi.
5.	Adakah terdapat had bayaran jika dokumen kontrak masih belum ditandatangani?	ADA. Bayaran dihadkan sehingga 75% daripada nilai keseluruhan kontrak sahaja. Selain itu, kelulusan pelanjutan menandatangani kontrak mestilah diperolehi terlebih dahulu daripada Pegawai Pengawal.
6.	Bagaimanakah jika Pesanan Kerajaan tidak dapat dikeluarkan kerana peruntukan semasa tidak mencukupi pada masa Pesanan Kerajaan hendak dikeluarkan?	Agensi dibenar mengeluarkan Pesanan Kerajaan SELEPAS bekalan/perkhidmatan diterima, dengan syarat ia dibuat dalam tempoh 14 hari selepas waran peruntukan diterima di peringkat PTJ).
7.	Bagi situasi ketiadaan peruntukan mencukupi untuk pengeluaran Pesanan Kerajaan, apakah had nilai kelulusan jika Pesanan Kerajaan gagal dikeluarkan selepas 14 hari waran peruntukan diterima di peringkat PTJ?	Jika berlaku kecuaian untuk mengeluarkan Pesanan Kerajaan melebihi tempoh 14 hari tersebut, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan yang diturunkan kuasa hanya boleh meluluskan ITPK sehingga RM1 juta sahaja bagi setiap tuntutan.

LAMPIRAN B

Bil.	Soalan	Jawapan
8.	Bagaimanakah tatacara pengeluaran Pesanan Kerajaan bagi perkhidmatan bermasa (bulanan/mingguan)?	Pesanan Kerajaan bagi perkhidmatan bermasa kini boleh dikeluarkan pada mana-mana tarikh <u>DALAM</u> tempoh kitaran (mingguan atau bulanan) perkhidmatan tersebut dijalankan seperti di Perenggan 4 surat ini.
9.	Bolehkah ITPK digunakan bagi pembayaran ke atas pembekalan/perkhidmatan yang berlaku di luar tempoh kontrak?	<u>TIDAK BOLEH</u> . Pembayaran ITPK hanya dibenarkan bagi kontrak yang masih berkuat kuasa sahaja semasa proses pembayaran dilakukan. Pembayaran bagi pembekalan/perkhidmatan yang di terima selepas tamat kontrak atau di luar tempoh kontrak atau tanpa kontrak tidak memenuhi syarat penurunan kuasa ini.
10.	Bagaimanakah tindakan penyelesaian bagi pembayaran ke atas situasi pembekalan/perkhidmatan yang di terima selepas tamat kontrak atau di luar tempoh kontrak atau tanpa kontrak?	Pembayaran hendaklah dibuat berdasarkan tatacara kewangan semasa yang berkuat kuasa. Pihak agensi boleh merujuk kepada Bahagian Akaun Kementerian/Agensi untuk khidmat nasihat.
11.	Apakah tindakan jika pegawai melakukan kecuaiian pengeluaran Pesanan Kerajaan yang berulang?	Bagi kesalahan kecuaiian yang berlaku lebih daripada sekali melibatkan pegawai dan kontrak yang sama, kelulusan wajar dibuat berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 59.
12.	Apakah dokumen mandatori tambahan bagi permohonan atas sebab kecuaiian pengeluaran Pesanan Kerajaan dalam tempoh masa ditetapkan?	Setiap permohonan kelulusan pembayaran secara ITPK atas sebab kecuaiian mestilah disertakan dengan Surat Tunjuk Sebab.
13.	Adakah peraturan ini merangkumi perolehan kerja?	Ya. Peraturan ini dipanjangkan secara khusus kepada pembayaran kontrak perolehan kerja Kerajaan melalui inden kerja manual.
14.	Bagaimanakah mekanisme kawalan dalaman yang perlu disediakan oleh Agensi?	Agensi wajib menyediakan mekanisme kawalan dalaman sebagai tatacara rujukan bagi proses kelulusan ITPK di peringkat agensi masing-masing.
15.	Di manakah rekod kelulusan ITPK perlu disimpan?	Kelulusan mesti direkodkan dalam Sistem eGPA di bawah Modul Merekod Permohonan – Pengecualian Khas – Tanpa Pesanan Pembelian Kerajaan.
16.	Bagaimanakah pelaporan ITPK dipantau di peringkat Kementerian?	Pelaporan ITPK mestilah dijadikan agenda tetap dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA).

Bil.	Soalan	Jawapan
17.	Adakah fi perkhidmatan ePerolehan masih dikenakan bagi pembayaran ITPK?	Ya. Agensi perlu memastikan fi perkhidmatan ePerolehan dikenakan ke atas setiap transaksi pembayaran ITPK melalui Sistem iGFMS bagi kontrak yang ditadbir menggunakan Sistem ePerolehan.
18.	Bagi perolehan kerja, siapakah yang memberikan kelulusan jika permohonan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan?	Bagi perolehan kerja, sebarang permohonan yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan dalam arahan ini hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk pertimbangan.
19.	Bagaimanakah permohonan pertimbangan ITPK diproses untuk perolehan bekalan dan perkhidmatan projek Kementerian Pelanggan yang dilaksanakan oleh Jabatan Teknik selaku Agensi Pelaksana?	Pertimbangan ITPK hendaklah dilaksanakan berdasarkan surat rujukan MOF.BPK(S)600-1/3/10 (9) bertarikh 10 November 2025.